



CIMB-Principal unjur sentimen pasaran domestik, serantau semakin pulih

Jangka aset kendalian RM30 bilion

KUALA LUMPUR 23 Mac – CIMB-Principal Asset Management Bhd. (CIMB-Principal) menyasarkan aset kendaliannya akan meningkat sehingga RM30 bilion pada hujung tahun ini.

Sehingga 31 Disember tahun lalu, dana nilai aset bersih (NAB) yang diuruskan CIMB-Principal berjumlah RM22.1 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, J. Campbell Tupling berkata, sasaran itu berdasarkan sentimen pasaran domestik dan serantau yang semakin pulih.

“Selain itu, terdapat permintaan para pelabur institusi dan runcit yang kian bertambah bukan sahaja di Malaysia tetapi juga dari luar negara,” katanya selepas melancarkan CIMB-Principal Australian Equity Fund (The Fund), di sini hari ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Pelaburannya, Raymond Tang dan Pen-

garah Timbalan Ketua Eksekutif, Munirah Khairuddin.

Menurut Tupling, pihaknya juga akan melancarkan beberapa produk baru pada tahun ini.

Bagaimanapun beliau enggan memberitahu butiran lanjut dan menyatakan produk baru yang diperkenalkan adalah bersesuaian dengan pasaran.

Mengenai The Fund, beliau berkata, dana ekuiti itu mempunyai matlamat untuk mencapai peningkatan modal jangka sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam sebuah portfolio sekuriti dari Australia.

“Australia menjadi pilihan kerana merupakan ekonomi pasaran maju yang mantap yang dihubungkan ke dalam pertumbuhan pasaran baru muncul serta dipacu oleh eksport komoditi,” katanya.

The Fund yang disandarkan kepada

Schroder Australian Equity Fund (Target Fund) akan melabur sekurang-kurangnya 95 peratus daripada NAB di dalamnya.

Jelas beliau, dana ekuiti tersebut bersandarkan sektor-sektor besar antaranya perbankan, logam, perlombongan, perindustrian dan insurans.

“Kami menjangka pulangan tahunan yang konsisten antara 10 hingga 15 peratus melebihi penanda aras S&P/ASX 200 Accumulation Index,” ujar Tupling.

The Fund mempunyai saiz kelulusan dana sebanyak 600 juta unit dan harga tawaran awal RM0.25 seunit.

“Ia (The Fund) bukan sahaja melengkapi produk kami tetapi cara yang berkesan untuk menyediakan peluang lebih baik dan kepelbagaian untuk portfolio pelabur dengan hanya pelaburan minimum sebanyak RM1,000,” tambahnya.



J. CAMPBELL Tupling (tengah) bersama-sama Raymond Tang dan Munirah Khairuddin ketika melancarkan CIMB-Principal Australian Equity Fund di The Westin, Kuala Lumpur, semalam.